

22 FEB 1998

SEPULUH BAHAGIAN UMNO KELANTAN SETUJU TIDAK ADA PERTANDINGAN

KOTA BAHARU, 22 Feb (Bernama) -- Sepuluh daripada 14 bahagian Umno di Kelantan dijangka tidak berlaku pertandingan merebut jawatan utama terutama ketua bahagian, pada pemilihan bulan depan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata bahagian-bahagian itu ialah Bachok, Peringat, Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat, Pengkalan Chepa dan Jeli.

"Empat bahagian lagi Kota Baharu, Kubang Kerian, Rantau Panjang dan Pasir Puteh menghadapi masalah dan usaha untuk mengelakkan pertandingan sedang diusahakan melalui proses rundingan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Pengerusi Pembangunan Mukim (PPM) dan pemimpin Barisan Nasional (BN) di pejabat Umno di sini, hari ini.

Mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini supaya Ketua Umno Bahagian Kubang Kerian, Mat Zin Awang tidak dibenarkan bertanding merebut sebarang jawatan di bahagian itu, Annuar berkata Mat Zin telah membuat rayuan kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MT.

Sehubungan itu beliau menasihatkan anggota Umno di bahagian Kubang Kerian supaya bertenang dan menumpukan kepada perjalanan mesyuarat cawangan mengikut peraturan yang ada.

Annuar yang juga Pengerusi Barisan Nasional Kelantan berkata satu gerakan ke setiap bahagian akan diadakan mulai 1 April ini bertujuan untuk memperkukuhkan jentera pilihan raya dan perpaduan parti. --BERNAMA

MNR RON